

2 FEB 1996

UMNO - Mesyuarat

MT TETAPKAN TARIKH BARU PERHIMPUNAN AGUNG

KUALA LUMPUR, 2 Feb (Bernama) -- Majlis Tertinggi UMNO dijangka menentukan tarikh baru Perhimpunan Agung parti pada mesyuaratnya di sini esok.

Setiausaha Agung UMNO Datuk Mohamed Rahmat berkata tarikh 1 hingga 5 Okt yang ditetapkan sebelum ini terpaksa dipinda kerana Presiden UMNO Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan timbalan Presiden parti Datuk Seri Anwar Ibrahim mempunyai urusan negara pada masa berkenaan.

Tarikh baru mungkin ditetapkan Oktober juga, katanya kepada pemberita selepas pelancaran majlis gerakan penyemakan daftar keanggotaan UMNO di Pusat Dagangan Dunia Putra.

Perhimpunan Agung kali ini menjadi tumpuan kerana adanya pertandingan jawatan naib presiden UMNO dan Majlis Tertinggi serta pemilihan bagi Pergerakan Pemuda dan Wanita.

Mengenai Tan Sri Abdul Rahim Tamby Chik, yang menerima semula jawatan Ketua Pemuda Umno, Mohamed berkata surat jemputan telah dihantar kepada bekas Ketua Menteri Melaka itu untuk menghadiri mesyuarat Majlis Tertinggi esok.

Mohamed yang juga Menteri Penerangan, berkata Rahim telahpun menulis surat kepada presiden parti dan ibu pejabat Umno memaklumkan beliau bersetuju menerima semula jawatan itu.

Mohamed juga berkata Umno akan menjadikan golongan muda-mudi di bandar sebagai kumpulan sasar dalam matlamat menambah keanggotaan parti kepada 2.5 juta orang. UMNO kini mempunyai hampir 2.3 juta anggota.

"Kita hendak menentukan kesinambungan parti dan ini dapat dilakukan jika anak muda yang memncapai usia 18 tahun diajak menyertai UMNO," kata beliau.

Katanya, antara tumpuan parti untuk mendapatkan anggota-anggota baru ialah pekerja pejabat dan kilang. -- BERNAMA